

'Rakyat usah termakan hasutan'

44-25/1/2020 mlb:2

PM mahu masyarakat tolak sikap kebencian untuk kekal aman, harmoni

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata sikap matang rakyat tidak mudah termakan dakwah penghasut yang mahu menyemai kebencian menjadi kekuatan Malaysia.

Perdana Menteri menjelaskan, jika rakyat tidak rasional dan mula membenci antara satu sama

lain hanya kerana perkara yang remeh, Malaysia tidak akan aman dan tenang seperti sekarang serta berdepan konflik perkauman yang berpanjangan.

"Setelah berdekad lamanya kita menerima hakikat negara kita adalah negara berbilang kaum yang memerlukan toleransi di antara kita, hidup mesra terhadap jiran dan rakan taulan. Kita tidak mahu membiarkan negara ini porak-peranda dengan kebencian kaum.

"Realitinya, Malaysia pada hari ini adalah aman dan rakyat dapat hidup dengan harmoni antara satu sama lain. Ini kemenangan besar untuk setiap warga Malaysia.

"Kita hidup bersatu padu dan setiap masyarakat saling membantu dan bekerjasama walaupun kita berlainan kaum ataupun agama. Kita boleh bekerja di dalam

sebuah organisasi tanpa mengira keturunan. Ini adalah satu rahmat yang mungkin kita tidak sedar," katanya dalam perutusan sempena sambutan Tahun Baharu Cina, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersyukur kerana Malaysia tidak berada dalam keadaan ruahan dan peperangah yang terdapat di beberapa negara lain dan berupaya mempertahankan keaulatan tanpa bergantung kepada mana-mana pihak.

Katanya, pertumbuhan ekonomi negara tahun ini yang diunjurkan antara 4.3 peratus ke 4.8 peratus juga masih memberangsangkan dengan Malaysia antara negara yang mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi berbanding negara lain di Asia.

"Kita sedar ekonomi negara kita masih kecil, tetapi pertumbuhan menggalakkan ini adalah bukti rakyat negara kita boleh berganding bahu menayakan pembangunan Malaysia.

"Apabila negara stabil dan rakyatnya cukup kemahiran untuk bekerja, pelabur dari dalam dan luar negara juga tertarik untuk melabur di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan meluluskan pelaburan sebanyak RM149 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu, lebih tinggi berbanding tempoh sama pada tahun 2018.

"Ini secara langsung dapat menjana peluang pekerjaan yang banyak kepada kita. Kerajaan mempunyai cara untuk menguatkan ekonomi negara tetapi ia memerlukan sedikit masa dan kesabaran rakyat, terutama dari pihak swasta. Apabila ekonomi kita kuat, semua pihak akan mendapat manfaat," katanya.

Justeru, beliau berharap kedatangan tahun baharu akan me-



Realitinya, Malaysia pada hari ini adalah aman dan rakyat dapat hidup dengan harmoni antara satu sama lain. Ini kemenangan besar untuk setiap warga Malaysia.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

nguatkan lagi semua pihak supaya berusaha ke arah mengukuhkan hubungan antara kaum di negara ini.

"Sempena perayaan Tahun Baharu Cina ini, rakyat kita yang terkenal dengan semangat muhibah yang tinggi, hendaklah meneruskan tradisi kunjung-mengunjung ke rumah rakan mereka yang mengadakan rumah terbuka.

"Kepada kaum Cina, saya dan isteri mengucapkan Selamat Tahun Baharu. Gong Xi Fa Cai," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mengajak orang ramai mengamalkan akhlak mulia dan menghormati ibu bapa serta mereka lebih tua.

Beliau berkata, perkara itu ada-

lah ciri yang perlu ditekankan ketika perayaan Tahun Baharu Cina terutama keluarga makan malam bersama keluarga pada ambang perayaan.

"Ini dapat membantu membina pertalian lebih erat di antara ahli keluarga dan memberi penghormatan kepada mereka lebih tua.

"Kita mesti sentiasa menghargai serta menjaga ibu bapa dan mereka yang disayangi, bukan sahaja pada musim perayaan. Pengorbanan mereka tidak ternilai dan ini tidak patut dilupakan.

"Jangan kita lupa untuk bersyukur kerana dapat bersama mereka yang tersayang," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baharu Cina yang disambut hari ini.

Ibadat & Fadilat

Daripada Abdullah Amru al-'As, berkata Rasulullah SAW bersabda: "Antara dosa besar adalah menyekutukan Allah, menderhakai ibu bapa, membunuh orang dan bersumpah bohong." (HR bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:16	1:33	4:54	7:27	8:40
Alor Setar	6:15	1:33	4:54	7:27	8:40
P. Pinang	6:15	1:33	4:55	7:28	8:41
Ipoh	6:20	1:31	4:53	7:27	8:40
Kuala Lumpur	6:16	1:28	4:50	7:26	8:39
Shah Alam	6:16	1:28	4:50	7:26	8:39
Johor Bahru	6:04	1:20	4:42	7:20	8:32
Kuantan	6:09	1:23	4:45	7:21	8:33
Seremban	6:12	1:26	4:49	7:25	8:38
Bandar Melaka	6:12	1:26	4:48	7:25	8:38
Kota Bharu	6:12	1:26	4:47	7:20	8:28
K. Terengganu	6:12	1:22	4:43	7:17	8:30
Kota Kinabalu	5:12	12:30	3:51	6:25	7:37
Kuching	5:39	12:55	4:17	6:55	8:07